

03 DEC, 2021

## Cabaran OKU hadapi endemik Covid-19

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Cabaran OKU hadapi endemik Covid-19

**Kredibiliti dan kewibawaan kepimpinan OKU sangat dituntut dalam menuju era endemik Covid-19**

Mulai tahun 1992, Malaysia dan seluruh warga dunia menyambut Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Antarabangsa yang ditetapkan pada 3 Disember setiap tahun, ia diisytihar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi Resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 47/3.

Hari tersebut disambut bertujuan untuk menggalakkan hak dan kesejahteraan OKU, meningkatkan kesedaran tentang isu ketidakupayaan dan dalam setiap aspek kehidupan OKU seperti politik, sosial, ekonomi dan budaya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekali lagi seperti tahun-tahun sebelumnya akan meraikan Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan serentak dengan Hari OKU Peringkat Antarabangsa. Hari paling istimewa kepada OKU ini diadakan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada OKU dan ahli masyarakat yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan pemerkasaan OKU di Malaysia. Sambutan ini juga diadakan untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap OKU serta isu ketidakupayaan.

Pada tahun ini, tema Hari OKU peringkat antarabangsa yang dipilih oleh Department of Economic and Social Affairs, United Nations adalah Leadership and Participation of Persons with Disabilities Toward an Inclusive, Accessible and Sustainable Post-COVID-19 World. Tema ini telah disesuaikan di peringkat nasional dengan mengambil kira perkembangan semasa OKU di Malaysia iaitu "Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik Covid-19".

Tema "Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik Covid-19" amat bertepatan dengan situasi negara dan dunia pada masa kini. Dalam menghadapi era endemik Covid-19, OKU dan pihak bertanggungjawab perlu bersiaga siaga melalui pendekatan komprehensif yang bersifat konkret untuk mendepani cabaran pada tahun-tahun mendatang.

Impak yang dihadapi oleh OKU



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun melancarkan sistem MyDaftar OKU bagi memantapkan lagi penyampaian kepada Orang Kurang Upaya (OKU).

daripada pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, politik dan kesihatan perlu disantuni secara bersepadu oleh pelbagai pihak merentasi pelbagai agensi dan organisasi sebagai sebuah Keluarga Malaysia agar keperluan sebenar OKU dapat disediakan.

Perjuangan belum selesai menentang Covid-19 yang berteraskan kepada konsep Keluarga Malaysia menggariskan tiga teras utama merangkumi keterangkumau, kebersamaan dan kesyukuran ini sudah pasti lebih lengkap dan sempurna apabila melibatkan warga OKU sendiri yang turut terkesan hebat akibat ancaman Covid-19 ini.

Justeru kredibiliti dan kewibawaan kepimpinan OKU sangat dituntut dalam menuju era endemik Covid-19 bagi memastikan OKU terus mampu bersaing dan meneruskan survival dalam kehidupan yang semakin mencabar ini.

### GANDINGAN STRATEGIK

Pandemik Covid-19 benar-benar membuka mata kita akan pentingnya kepimpinan dan penyertaan individu OKU atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) OKU. Gandingan strategik antara pihak kerajaan dan kepimpinan OKU dapat membantu kerajaan bagi memastikan OKU dan keluarga mereka dapat mengharungi kehidupan norma baharu dengan lebih selesa.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun bersama dengan salah seorang kanak-kanak autism di program MyDaftar OKU di Melaka baru-baru ini.

**OKU dan pihak bertanggungjawab perlu bersiaga siaga melalui pendekatan komprehensif yang bersifat konkret untuk mendepani cabaran pada tahun-tahun mendatang.**

MKBOKU adalah selaras dengan Seksyen 3 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Berdasarkan kepada Seksyen 3(2) (a-i), anggota Majlis hendaklah terdiri daripada wakil agensi kerajaan seperti yang telah disenaraikan di dalam akta dan juga tidak lebih daripada 10 orang individu yang terdiri daripada OKU dan bukan OKU yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kapekaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan OKU dan hendaklah dilantik oleh Menteri.

Kepelbagaian latar belakang melalui kapekaran, kepimpinan dan pengalaman anggota MKBOKU ini, akan memastikan MKBOKU dapat menterjemah dan mengesyorkan kepada kerajaan suatu dasar atau perancangan yang lebih komprehensif terutama untuk memastikan kepentingan OKU menuju endemik Covid-19 sentiasa mendapat tempat dalam arus perdana pentadbiran negara.

Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi tempoh 2021 hingga 2025 telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada 27 September 2021. Selaras dengan Strategi F5, RMK12, Memperkasa Orang Kurang Upaya (Memastikan Keterangkuman bagi Orang Kurang Upaya), langkah akan diambil bagi memperkasa OKU untuk berdikari dan terlibat secara aktif dalam masyarakat. Strategi ini jelas memerlukan komitmen sepenuhnya terutama daripada warga OKU untuk berfikiran selangkah kehadapan meneraju usaha Keluarga Malaysia ke arah kehidupan inklusif.

OKU perlu bijak dan bersatu hati mengambil ruang dan peluang menuju era endemik Covid-19 dengan turut memanfaatkan sepenuhnya Bajet 2022 bertermakan Keluarga Malaysia Makmur Sejahtera.

Kepimpinan dan penyertaan OKU secara bersepadu di bawah satu bumbung sebagai satu Keluarga Malaysia dilihat sebagai kunci utama pengkuhan perjuangan satu suara OKU ke arah pembangunan dan pemerksaan OKU di Malaysia terutama semasa negara bersiap sedia menuju era endemik Covid-19.

Masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi individu, tokotok dan NGO OKU untuk sama-sama melihat semula hala tuju perjuangan, kepimpinan dan penyertaan OKU dalam menuju masa hadapan yang punuh mencabar ini. Di sinilah peranan kepimpinan dan penyertaan wakil OKU secara satu pasukan amat diperlukan.

Kerajaan telah membuktikan komitmennya dan akan terus menyediakan dan menambahbaik perkhidmatan dan sokongan kepada OKU. Joran telah tersedia, kini segalanya terletak di tangan OKU.

*Artikel ini hasil tulisan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat.*



03 DEC, 2021

## Cabarán OKU hadapi endemik Covid-19

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kredibiliti dan kewibawaan kepimpinan OKU sangat dituntut dalam menuju era endemik Covid-19

Mulai tahun 1992, Malaysia dan seluruh warga dunia menyambut Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Antarabangsa yang ditetapkan pada 3 Disember setiap tahun. Ia diisyihar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi Resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 47/3. Hari tersebut disambut bertujuan untuk menggalakkan hak dan kesejahteraan OKU, meningkatkan kesedaran tentang isu ketidakupayaan dan dalam setiap aspek kehidupan OKU seperti politik, sosial, ekonomi dan budaya.